



ALBUM KENANGAN ... Rombongan graduan tahun akhir UMS bergambar ramai di dalam bangunan RTB Kuala Belait semasa sesi lawatan sambil belajar baru-baru ini.

## Pelajar UMS lakukan lawatan sambil belajar ke Brunei

*NST 30.04.2012 2*

KOTA KINABALU: Seramai 29 pelajar semester akhir Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan lawatan sambil belajar ke Radio Televisyen Brunei (RTB) baru-baru ini.

Pelajar yang menyertai lawatan sambil belajar selama empat hari itu di bawah program 'Lawatan Kembara Media & Khidmat Masyarakat ke Brunei Darussalam.

Pelawat UMS diketuai oleh pensyarah Saat Awang Damit berkata program itu bertujuan mendedahkan graduan UMS dalam bidang pen-

gurusan dan operasi pertubuhan media di luar negara.

"Program juga sebagai aktiviti pembelajaran kepada pelajar akhir tahun UMS," kata Saat.

Beliau berkata adalah penting bagi pelajar opsyen Pengurusan dan Penyiaran Media untuk merapatkan hubungan silaturahim dan persefahaman di antara pelajar UMS dan pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Rombongan pelawat pelajar UMS diketuai oleh seorang pensyarah dan tiga graduan UBD yang

telah menghabiskan satu sesi semester Program Tahun Pengenalan (Discovery Year Program) dengan UMS.

Rombongan graduan itu merupakan antara kumpulan pelajar UMS yang pertama mengadakan lawatan ke RTB Kuala Belait.

Sesi lawatan sambil belajar juga bertujuan perkongsian maklumat, akademik serta pertukaran budaya serta aktiviti perkhidmatan sosial antara kedua belah pihak. - **OLEH SHANE SHAH – crime@news-abahtimes.com.my**